

12/05/2000

Kepemimpinan serba berkemampuan penting

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya semalam menggambarkan bagaimana boleh berlakunya kehancuran jika orang Melayu tidak lagi menerima Umno sebagai parti yang masih relevan memperjuangkan nasib dan masa depan bangsa. Memasuki alaf baru, Presiden parti itu bimbang jika orang Melayu tidak lagi mahu bersatu di bawah payung Umno. Sebaliknya, semangat yang dirintis pada 1946 mesti kekal dan diteruskan dalam Umno yang telah menjadi pilihan Melayu dari dahulu hingga sekarang. Walaupun Umno diuji dengan pelbagai dugaan kebelakangan ini, ahli mesti tetap bersatu manakala parti pula teguh menunjukkan kematangannya mengatasi segala ujian yang melanda.

Adakah ahli mahu Umno hilang dinamisme memperjuangkan kecemerlangan bangsa dan negara? Sehubungan itu, orang Melayu perlu membuat pilihan yang tepat sama ada ingin mengekalkan status quo Umno sebagai parti yang dominan membela nasib mereka atau memperjudikan nasib bangsa dengan memilih parti alternatif. Lantas, generasi muda yang semakin tersasar meninggalkan Umno harus dipujuk, didekati dan diperjelaskan bahawa parti itu tetap relevan selagi Melayu tidak hilang di bumi Malaysia. Orang Melayu mesti membebaskan diri daripada terbelenggu dengan ideologi dan corak pemikiran pembangkang yang sengaja memutar-belitkan ideologi perjuangan Umno yang akhirnya akan memudaratkan bangsa dan negara sendiri.

Selama 54 tahun Umno sudah berusaha menjayakan bangsa, agama dan tanah air, keberkesannya perlu diteruskan. Sambil mengingatkan bahawa bukan matlamat perjuangan Umno untuk menaikkan sesiapa, menjadikan orang tertentu berkuasa atau kaya raya, Dr Mahathir mahu parti itu dan semua ahli tidak putus asa menyatupadukan umat Melayu yang retak akibat angkara pembangkang. Satu ketika Umno berjaya menyatupadukan orang Melayu sehingga mengecap kemerdekaan dan kini tiada ada sebab kenapa Umno tidak boleh menyatupadukan mereka semula. Sekali pun tidak berjaya, demi memikul tanggungjawab, ahli Umno mesti mencubanya hingga dapat mengatasi kegagalan itu.

Kejayaan dalam sesuatu perjuangan tidak bermakna kejayaan yang kekal. Cabaran dan bahaya terdapat sepanjang masa. Jika ahli Umno membenarkan diri mereka menjadi lemah kerana terlalu mengejar kepentingan diri, kejayaan yang tercapai dahulu akan jauh terpisah. Generasi Melayu baru akan hilang keyakinan kepada Umno. Lantas, amat penting Umno bersiap sedia sepanjang masa, bersatu-padu secara berterusan, dan berhati-hati akan sebarang percubaan menggagalkan usaha membela bangsa.

Umno sudah berakar umbi dan berkuasa lebih daripada 50 tahun. Jika diperhatikan, tidak banyak parti politik yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan kekal selama itu. Kebanyakannya luput dan hilang sejeurus selepas kemerdekaan berjaya dicapai. Sama ada Umno akan mampu bertahan atau tidak, kini bergantung kepada budaya ahlinya berpolitik dan sifat yang ada pada mereka. Walaupun tidak ada yang kekal di dunia ini, riwayat Umno tidak perlu dipendekkan hanya kerana ada di antara ahli dan pemimpinnya yang hilang pedoman dan tersasar perjuangan mereka.

Dr Mahathir mengulangi ingatannya bahawa perjuangan Umno masih belum selesai. Kedudukan Melayu perlu terus diperjuangkan dan dibela. Melayu dan Bumiputera masih belum cukup kuat untuk dibiarkan tanpa mendapat pimpinan dan dilindungi payung Umno. Lantas, Umno mesti terus dibaja dan dipelihara sebaik mungkin. Dengan berani dan jujur, beliau menyatakan rasa bimbang dengan unsur-unsur budaya yang tidak mahu berterima kasih malah menggigit

pula tangan orang yang berbudi kepada mereka di kalangan sesetengah Melayu.

Beliau juga cemas dengan kewujudan politik wang di kalangan Umno yang boleh membawa padah kepada parti dan orang Melayu. Wang akan menyebabkan ramai lupa diri. Akhirnya, Umno akan dikuasai oleh golongan yang mendewakan wang. Mereka yang berbakat memimpin tetapi tidak mempunyai wang, diketepikan apabila semua ahli Umno buta mata dan menjadikan wang kriteria pemilihan pimpinan. Seseorang pemimpin tidak seharusnya dipilih kerana beliau popular hasil menabur wang tetapi dipilih kerana beliau jujur, berwibawa, bertokoh dan disenangi ramai bagi memperjuangkan matlamat dan menentukan hala tuju parti. Sehubungan itu apa juga bentuk rasuah dan ketamakan mesti didedahkan serta diperangi oleh Umno sampai bila-bila. Cabaran besarnya ialah meneruskan kestabilan dan keamanan negara di samping menjamin ekonomi dan kuasa orang Melayu terus mantap. Itulah sebabnya walaupun masa beredar dan mereka yang menerajui parti silih berganti, Umno tetap memerlukan kepemimpinan serba berkemampuan, sanggup berkorban untuk Melayu, cekap dan bersih.

(END)